

# **Kunjungan Hormat Pentadbir SMK Labuan ke Pejabat Ketua Polis IPD Labuan**



**Labuan, 15 Januari** – Pentadbir sekolah SMK Labuan yang diketuai oleh Pengetua Encik Ismail Abdullah, telah membuat kunjung hormat ke Pejabat Ketua Polis IPD Labuan.

Objektif utama kunjungan tersebut adalah menjalin hubungan erat dan kerjasama antara SMK Labuan dengan IPD Labuan, terutama berkaitan kes disiplin dan keselamatan murid, serta program-program anjuran bersama yang berbentuk pencegahan agar dapat mendidik murid-murid lebih waspada dan peka terhadap ancaman dan risiko persekitaran termasuk rakan-rakan.

SMK Labuan komitmen untuk menangani isu Sekolah Hot Spot dengan kerjasama Pegawai Polis Angkat SMK Labuan.

Warga SMK Labuan akan berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan murid-murid dan warga sekolah dapat mengelakkan diri daripada risiko-risiko persekitaran terutama di luar waktu persekolahan.

Pihak sekolah juga telah menubuhkan Task Force Sekolah Hot Spot pada tahun lepas, melibatkan pelbagai jabatan dan agensi kerajaan serta agensi bukan kerajaan.

Kunjungan itu disertai oleh semua Penolong Kanan SMK Labuan, iaitu Pn Zalina binti Zunkepely (Penolong Kanan Pentadbiran), Ustazah Marziawati binti Mardan (Penolong Kanan Hal Ehwal Murid), En Cheah Teong Aik (Penolong Kanan Kokurikulum) dan En Saminan bin Sabtu (Penolong Kanan Tingkatan 6).

Ketua Polis IPD Labuan, Supt Muhamad Farid bin Ahmad menyambut baik usaha murni dan bersedia membantu warga SMK Labuan dalam menangani kes keselamatan serta disiplin murid.

Turut serta dalam perbincangan dua hala tersebut ialah DSP Mohd Ibrahim bin Md Ghani (Timbalan KP Daerah Labuan), DSP Boniface ak Bajai (Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah) dan Inspektor Kannan (Pegawai Bahagian Narkotik).

Pihak sekolah berharap agar hubungan yang terjalin antara SMK Labuan dan IPD Labuan akan memberi banyak kebaikan kepada kedua-dua pihak dalam usaha bersama untuk mencegah risiko-risiko keselamatan dan disiplin murid, yang akhirnya akan membantu usaha untuk membentuk keperibadian murid dan menjadi modal insan yang berguna untuk Negara.

SMK Labuan kini mempunyai 1397 murid dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 6, 56 buah kelas serta 133 orang guru.

Sepanjang tahun lepas SMK Labuan telah mencapai banyak kejayaan di peringkat kebangsaan seperti pertandingan koir, concert band, Kuiz Kimia Kebangsaan, dan yang terkini ialah kejayaan 8 orang murid mendapat semua A dalam PT3.

**Sumber Berita : SMK Labuan**